

# Buku sangat berpengaruh membentuk minda: Masidi

NET 22.3.2014 4

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-  
times.com.my

**KOTA KINABALU:** Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun berkata peranan buku sebagai penyebaran ilmu pengetahuan, pendidikan dan pancaran nilai-nilai budaya sesebuah masyarakat tidak berubah walaupun dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau yang juga Exco Pelajaran Negeri Sabah berkata dalam konteks yang luas, buku juga sangat berpengaruh dalam membentuk minda seseorang.

"Sejarah telah membuktikan bahawa buku berperanan penting dalam membina peradaban sesebuah bangsa dan negara. Maju mundurnya sesebuah negara dapat dilihat menerusi kadar literasi dan budaya membaca di negara berkenaan.

"Seperti yang kita tahu, teknologi terus berkembang, tidak terkecuali buku turut diadaptasi menerusi inovasi e-book dan e-journal. Bagaimanapun, peranan buku tidak pernah berubah sebagai wahana penyebaran ilmu pengetahuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pesta Buku UMS dan Pelancaran Buku 2014, di Perpustakaan UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kedai Buku dan Cenderahati Koperasi UMS Berhad merangkap Pengerusi Pesta Buku Prof.Madya Dr. Mahmud Sudin, Ketua Pustakawan Perpustakaan UMS merangkap Pengerusi Bersama Pesta Buku Dayang Rukiah Ag.Amit dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Masidi berkata membaca juga adalah satu daripada penawar ubat nyanyuk kerana melalui pembacaan dapat membantu meningkatkan ketajaman mental dan mempelajari sesuatu yang baru.

"Oleh itu, kita harus menjadikan budaya membaca ini sebagai satu gaya hidup untuk melahirkan masyarakat minda kelas pertama.

"Untuk melahirkan minda kelas pertama, budaya mem-



LANCARKAN ... Masidi melancarkan 10 buah buku baharu terbitan UMS, pada majlis itu.



PAMERAN ... Masidi melawat pameran buku pada majlis itu.

baca perlu dipupuk dengan cara mengadakan Pesta Buku seperti ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah dalam usaha untuk memupuk budaya membaca, namun usaha itu hanya sia-sia jika tiada kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya mahasiswa.

Mengenai kadar membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini Masidi berkata, kajian yang dijalankan oleh Per-

pustakaan Negara Malaysia pada tahun 2010 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca antara lapan hingga 12 buah buku setahun.

"Jumlah ini amat kecil jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan beberapa buah negara yang lain.

"Di Malaysia, kelompok pembaca buku terbesar terdiri daripada pelajar sekolah dan penuntut di institusi pengajian tinggi yang kebanyakannya

membaca buku teks atau rujukan semata-mata untuk lulus peperiksaan.

"Amalan seperti ini sepatutnya dikikis dan diganti dengan budaya minat membaca," katanya.

Oleh itu Masidi berharap pengunjung Pesta Buku UMS khususnya pelajar dan kakitangan serta masyarakat setempat dapat memanfaatkan pesta buku ini untuk mendapatkan bahan bacaan bermutu yang diperlukan.